

Beralasan dengan ayat-ayat ini dan lagi peringatan-peringatan lain yang nyata dan tepat diperintahkan Tuhan, maka apakah salahnya bagi seseorang Islam memperingatkan saudara-saudaranya jangan memilih orang-orang kafir jadi pemimpinnya? Apakah dengan kerana anjuran itu, jika terpilih orang-orang Islam, akan menimbulkan perjuangan atau penumpahan darah? Apakah Islam itu mengikut faham Tengku sebagai suatu agama yang ganas dan buas?

Tidak! Islam tidak buas! Hak-hak orang kafir ada ditentukan. Orang-orang Islam di mana jua, terutamanya yang banyak mempunyai suara memilih adalah diwajibkan oleh Tuhan memilih atau menjadikan pemimpin-pemimpinnya daripada orang-orang Mukmin – tidak daripada orang-orang kafir. Yang demikian diterima atau tidak oleh Tengku tidaklah menjadi soal tetap yang demikian itu adalah suatu perintah.

Di dalam masa menyeru orang-orang mengundi dalam pilihanraya yang berjalan sekarang sebenarnya banyak perkataan-perkataan yang diterbitkan oleh Tengku dan pengikutnya yang menyakiti perasaan umat Islam kerana itu umat Islam wajib waspada menghadapi yang demikian kerana agama kita sekarang sedang dipermain-mainkan adanya.

*

Tegahan Berpolitik Di Masjid

Kerajaan Perak telah mengeluarkan satu keputusan bahawa masjid-masjid seluruh negeri Perak tidak dibenarkan untuk dijadikan tempat syaran-syaran yang mengenai halehwal politik. Sekali imbas keputusan ini ada baiknya tetapi apabila kita perhatikan pula kedudukan agama Islam dengan pengajaran-pengajarannya maka dengan sendirinya kita tetap akan membantah keputusan itu.

Masjid, pada selayang pandang, adalah tempat ibadat tetapi erti masjid bagi Islam ialah tempat merundingkan segala sesuatu yang mengenai hal ehwal masyarakatnya, dan sebagaimana juga diketahui pada zaman Rasulullah (SAW) masjid itu dijadikan pula tempat pertolongan cemas dalam masa peperangan

atau darurat. Dengan ini terang masjid itu ertiinya bagi Islam sangat besar: ia adalah tempat merundingkan segala sesuatu yang mengenai masyarakatnya dan tidak terasing pula perkara-perkara yang mengenai hal ehwal siyasah yang mengenai masyarakat ini.

Bagi orang-orang Islam yang luas pandangannya, bahawa agama (*religion*) itu ialah suatu agama yang meliputi segala-galanya di dalam kehidupan manusia dan kerana itu ia tidak dapat dipisahkan daripada siyasah atau politik yang mengenai ketatanegaraan – urusan-urusan negara, dan sebagaimana dimaklumi. Bahawa bagi tiap-tiap umat Islam adalah dipertanggungjawabkan untuk menegakkan pemerintahan Tuhan di mana jua tempatnya berada. Kewajipan-kewajipan sangat berat – dan tiap-tiap umat Islam dituntut menunaikannya. Tetapi agama (*religion*) mengikut takrif orang-orang Barat adalah semata-mata ibadat (persebahaman kepada Tuhan) sedang perkara-perkara yang lain adalah tidak dipertanggungjawabkan kepada pengikut-pengikutnya.

Kita tidak mengetahui, adakah yang dimaksud mengeluarkan peraturan ini kerana berpegang kepada fahaman-fahaman Barat mengikut istilah beragama tetapi jika pun begitu tidaklah yang demikian itu direhdhai oleh umat Islam. Kita umat Islam adalah wajib membantah kecerobohan yang dilakukan oleh pemerintahan kepada kebebasan beragama di dalam negeri ini. Kita wajib menuntut supaya keputusan itu dibatalkan kerana keputusan itu bermakna menghalang kebebasan masjid itu untuk kmenyelenggarakan masyarakatnya.

Kejadian yang serupa ini mengingatkan kita bagaimana di Indonesia dalam sedikit masa yang lalu ada percubaan-percubaan hendak menyekat kebebasan beragama seperti yang tersebut di atas tetapi kerana umat Indonesia sedar akan bahayanya undang-undang yang serupa itu maka mereka langsung membantah – kesudahannya undang-undang yang demikian dibatalkan.

Umat Islam insaflah! Perhatilah segala percubaan-percubaan yang menyekat segala langkah dan gerak-geri kita yang dibebaskan dan dituntut kita menyelenggarakannya.